

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH**

(SANDAKAN)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa buah kedai perjudian 4-digit kini beroperasi di negeri Sabah dan berapa pendapatan dikutip daripada industri ini di Sabah dalam pecahan setiap tahun dari tahun 2011 hingga 2015.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kedai perjudian nombor ramalan 4-Digit yang beroperasi di Negeri Sabah pada masa kini adalah 115 buah. Jumlah pendapatan yang dikutip bagi tahun 2011 sehingga 2015 berjumlah RM183.344 juta.

NO. SOALAN: 302

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH**

RUJUKAN : 9444

SOALAN:

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes dadah di Sabah
berbanding negeri lain di seluruh negara. Apakah langkah-langkah
Kerajaan bagi mengurangkan kes dadah di Sabah.**

JAWAPAN:

Penyalahgunaan dadah masih merupakan musuh utama negara kerana implikasinya boleh merosakkan modal insan dan membawa kemudaratan serta menghancurkan keharmonian negara. Peranan masyarakat dan pihak berkuasa adalah sangat penting bagi membanteras aktiviti berkaitan dadah tanpa mengira kaum, fahaman politik, budaya dan agama.

Statistik tangkapan atas kesalahan berkaitan dadah di negeri Sabah bagi tahun 2013 hingga Ogos 2016 adalah seperti berikut:-

NEGERI	2013		2014		2015		TAHUN 2016 (JAN-OGOS)	
	KES	TANGKAPAN	KES	TANGKAPAN	KES	TANGKAPAN	KES	TANGKAPAN
SABAH	12,062	12,742	14,103	15,015	14,488	15,317	8,126	8,642
LAIN-LAIN NEGERI	150,118	162,456	147,367	159,412	154,919	167,470	115,764	126,598
JUMLAH	162,180	175,198	161,470	174,427	169,407	182,787	123,890	135,240

Bagi menangani ancaman dadah, Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan tindakan seperti berikut:

- a) memperluas jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan melalui perkongsian maklumat risikan serta menjalankan operasi bersama;

- b) mempergiat tindakan penguatkuasaan oleh pasukan *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) untuk membanteras *drug kingpin* dan sindiket pengedaran dadah berskala besar;**

- c) mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas *drug kingpin* dan individu yang menjadi dalang kegiatan pengedaran dadah; dan**

- d) melumpuhkan sumber kewangan individu atau sindiket pengedaran dadah melalui penyitaan harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WONG TIEN FATT
@ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]**

SOALAN :

YB Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan di Sabah. Berapakah antaranya ketua jabatan adalah berasal dari Sabah daripada keseluruhannya. Nyatakan bilangan itu secara terperinci.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 8 November 2016, terdapat 108 jabatan Persekutuan dan 48 Badan Berkanun Persekutuan di Sabah. Bilangan Ketua Jabatan dari kalangan anak negeri Sabah adalah seramai 77 orang yang ditempatkan di 75 buah jabatan.

Sekian. Terima kasih.